



MAKLUMAT PENGULAS

Nama peserta : Wan Nor Azura Binti Mior Abdul Aziz

Jabatan /
Bahagian : Strategi Korporat

MAKLUMAT BUKU

Tajuk buku : Aku Mahu Membaca 1000 Tahun Lagi

Tempat
terbitan : Kajang, Selangor

Penerbit : Jejak Tarbiah Publication

Jumlah muka
surat : 127

Tahun terbitan : 2018

Sasaran umur
pembaca : Pelbagai lapisan bermula dari remaja dan dewasa.

Komen fizikal : Buku yang mudah dipegang tidak terlalu besar tetapi memberi ilmu yang bermanfaat kepada pembaca atau bibliofil

Positif : Buku ini dapat memberi semangat untuk memupuk masyarakat membaca dan menuntut ilmu melalui pembacaan kerana membaca itu adalah keabadian.

Negatif : Tiada

Kelebihan : Buku ini membuka minda dengan membawa bibliofil menjelajah ke toko-toko buku di Indonesia dan juga member panduan untuk membedah buku.

Luahan rasa : Buku ini sangat padat dan terbahagi kepada 4 segmen yang menarik iaitu:
(1) Wacana dan Kembara Buku
(2) Aku Mahu Membaca 1000 Tahun Lagi
(3) Membaca Indonesia
(4) Ada apa dengan buku

Ulasan

: Secara keseluruhan sebagai bibliofil, saya amat kagum dengan penulis iaitu Iman Danial Hakim yang telah menghasilkan buku yang sangat menarik dengan bahasa yang begitu cantik dan kandungan yang mampu mengasah minda untuk menjelajah ke pelbagai cabang ilmu. Buku ini juga mempunyai bahasa yang sangat tinggi nilainya kerana penulis adalah peminat sastera dan puisi, malah beliau juga mempunyai latar belakang agama yang agak baik iaitu sebagai pelajar di Universiti Islam Antrabangsa Malaysia. Apa yang menarik dan ingin saya kongsi adalah catatan penulis mengenai Tsundoku. Tanpa kita sedari mungkin ada di kalangan bibliofil juga terlibat dengan fenomena Tsundoku. Tsundoku adalah istilah yang popular pada akhir abad ke -19 pada era Meiji (1868-1912). Tsunde beerti “tumpukan buku-buku” dan Oku yang bermaksud “meninggalkan untuk suatu jangka waktu”. Ini bermakna Tsundoku adalah perbuatan dimana penggemar buku mengumpul atau membeli buku tetapi tidak membacanya. Ianya agak berbeza dengan istilah “Banyaknya buku, sedikitnya masa” (So many books, so little time) kerana Tsundoku sentiasa mencari alasan untuk tidak membaca seperti lupa dan malas. Amat malanglah nasib si buku sekiranya ianya dibeli tetapi tuannya hanya meletakkan di atas meja atau rak buku tanpa membacanya dan mereka akan menerima kehadiran kawan baru (buku) yang akan mengalami nasib yang sama. Kisah ini tidaklah aneh kerana di dalam sejarah biblioholisme, seorang pakar perundangan Perancis iaitu Boulard pada abad ke-18 terpaksa membeli enam buah rumah bagi menyimpan buku-buku yang dibelinya. Mengenai catatan menyalakan semangat ‘Iqra’ juga memberi kesedaran kepada masyarakat untuk kembali kepada ilmu. Ini kerana umat islam kian tenggelam dalam kehidupan yang melalaikan dengan hiburan yang tidak mendidik jiwa hamba. Penulis mengajak masyarakat untuk menjadi umat yang berpaksikan ilmu pengetahuan kerana ilmu adalah kota yang kukuh yang dapat menyelamatkan kita daripada bala. Oleh yang demikian, bagi pencipta ilmu, tiada istilah berhenti. Kita perlu teruskan pengembaraan, merentas daratan dan membelah lautan demi meraih pengetahuan.

Gambar Buku

